

SAINS • TEKNOLOGI • INOVASI

S&T

■ ISNIN 27 .08.12 ■ UTUSAN MALAYSIA





Pulihara tuntung

Telur diancam pemburuan dan perdagangan haram

BENTUK fizikal yang seakan sama iaitu memiliki cengkerang keras di bahagian belakang badannya mungkin memberi kesukaran kita membezakan kumpulan reptilia ini. Adakah ia kura-kura, penyu, labi-labi atau tuntung? Namun, jika diamati daripada saiz, bentuk kaki dan habitatnya, setiap spesies haiwan tersebut mempunyai keunikan tersendiri. Mengambil contoh tuntung, haiwan vertebrata itu sebenarnya boleh dikategorikan dalam dua habitat berlainan iaitu di laut dan juga sungai.

>> **Bersambung di muka 6, 7**

Dahulu, tuntung dilindungi di bawah Enakmen negeri-negeri seperti Enakmen Negeri Kedah, Enakmen Negeri Perak dan Enakmen Negeri Terengganu

Malah, melihat pada bahagian luaran sahaja, perbezaan kedua-duanya memang dapat dilihat dengan jelas. Populasi tuntung di Malaysia sebenarnya banyak terdapat di negeri-negeri seperti Kedah, Perak, Terengganu, Pahang dan Negeri Sembilan.

Menurut legenda Melayu di Kedah, Sultan telah menerima hadiah beberapa ekor tuntung selepas mengadakan lawatan ke Aceh, Sumatera pada pertengahan kurun ke-17.

Sejak itu, telur tuntung telah dijadikan sebahagian daripada sajian santapan diraja di istana.

Pada penghujung abad ke-19 pula, penduduk-penduduk kampung sekitar Kedah telah menganjurkan Pesta Telur Tuntung yang mana mereka akan membalik telur berkenaan ke arah satu sama lain.

Hari ini, tuntung semakin diancam kepupusan disebabkan telurnya



DUA ekor tuntung dewasa dilepaskan pada Program Bersama Media NRE di Pusat Konservasi Hidupan Liar (Tuntung) Bukit Pinang, Alor Setar, Kedah, baru-baru ini.





RAHIM AHMAD

dikutip dan diperdagangkan secara haram tanpa kawalan.

Di samping itu, spesies tersebut turut menerima ancaman pemburuan untuk daging, lemas pada

pukat nelayan, kemusnahan habitat dan kekurangan makanan.

Mencari penyelesaian masalah itu, banyak agenda konservasi, pengawasan serta penguatkuasaan dilakukan bagi menyelamatkan hidupan liar berkenaan.

Antara inisiatif tersebut adalah seperti penubuhan Pusat Konservasi Tuntung oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Justeru, bagi melihat sendiri aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan tuntung, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) baru-baru ini telah membawa rombongan media melawat Pusat Konservasi Hidupan Liar (Tuntung) Bukit Pinang di Alor Setar, Kedah.

Asalnya, pusat yang berkeluasan dua ekar itu dilengkapi lima buah kolam peliharaan sebelum pihak Perhilitan menambah empat buah lagi untuk menampung jumlah tuntung yang semakin meningkat.

Menurut Pengarah Perhilitan Negeri Kedah, Rahim Ahmad, pusat berkenaan berperanan memastikan telur-telur tuntung yang dikutip menetas dengan selamat. Anaknya pula akan dijaga dengan baik sebelum dilepaskan ke habitat asal pada masa yang sesuai.

UM 27/8/12 MSC.



Fakta Tuntung Laut

- Nama saintifik *Collagur borneoensis*.
- Banyak terdapat di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia, pesisir pantai selatan Semenanjung Thailand dan Semenanjung Malaysia.
- Spesies akuatik dan omnivor.
- Bertelur di kawasan pasir pantai dan paya bakau.
- Tuntung jantan dan betina mempunyai ciri fizikal sangat berbeza.
- Mempunyai lima kuku pada jejari kaki hadapan.



TUNTUNG dengan berat kira-kira tiga kilogram akan dimasukkan ke dalam kolam ini dan diberi makan secukupnya untuk menggalakkan proses tumbesaran.

“Dahulu, tuntung dilindungi di bawah Enakmen negeri-negeri seperti Enakmen Negeri Kedah, Enakmen Negeri Perak dan Enakmen Negeri Terengganu.

“Kini, semua aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan hidupan liar ini dilaksanakan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar.

“Di bawah Akta tersebut, orang awam yang ingin memungut atau menjual telur tuntung akan dikenakan bayaran tertentu secara tahunan,” katanya ketika ditemui

pada Program Bersama Media NRE di pusat tersebut baru-baru ini.

Pada program itu juga, sebanyak 32 ekor tuntung terdiri daripada 30 ekor anak tuntung dan dua ekor tuntung dewasa dilepaskan ke Sungai Bukit Pinang.

Selain Bukit Pinang, kerja-kerja pemuliharaan tuntung turut dijalankan di dua lagi pusat konservasi iaitu di Bota Kanan, Perak dan Kuala Berang, Terengganu.



Fakta Tuntung Sungai

- Nama saintifik *Batagus baska*
- Terdapat di Hutan Paya Bakau Sundarban, India, Bangladesh, Myanmar, Sumatera, Thailand, Kemboja dan Semenanjung Malaysia.
- Spesies akuatik dan omnivor.
- Bertelur di tebing pasir sungai jauh dari arus air.
- Ibu tuntung akan menanam telur-telurnya di dalam pasir.
- Saiz tuntung jantan lebih kecil daripada tuntung betina.
- Mempunyai empat kuku pada jejai kaki hadapan.

Tempoh
hayat
tuntung
80 tahun

UM 27/8/12
MS 7

7,000 telah dilepaskan

SEJAK ditubuhkan pada 1982, Pusat Konservasi Hidupan Liar (Tuntung) Bukit Pinang berjaya memungut sebanyak 12,955 biji telur tuntung dengan 7,754 daripadanya telah pun menetas.

Dalam tempoh tersebut juga, 7,000 anak tuntung berusia lebih satu tahun telah dilepaskan ke habitat asal mereka.

Anak-anak tuntung itu biasanya mempunyai berat sekitar tiga kilogram dan ke atas untuk membolehkannya bertahan daripada serangan pemangsa seperti biawak.

Bagi proses peralihan, tuntung yang baru dilepaskan akan dipantau dan diberi makan selama 15 hari untuk membiasakan mereka dengan suasana baru.

Di negeri Perak, pelepasan tuntung banyak dilakukan di tiga lokasi utama iaitu di Sungai Padang Terap, Sungai Muda dan Sungai Dingin.

Berkongsi cerita mengenai aktiviti konservasi di pusat itu, Pengarah Perhilitan Negeri Kedah, Rahim Ahmad memberitahu, sebanyak 200 ekor tuntung akan dipelihara pada satu-satu masa.

“Jika lebih daripada 200 ekor, tuntung-tuntung ini akan dilepaskan untuk mengelakkan gangguan terhadap kadar pembiakan.

“Untuk operasi penjagaan pula, tuntung dewasa dengan berat sekitar 10 hingga 15 kilogram (kg) dan anak tuntung seberat tiga kg akan dimasukkan ke dalam kolam berasingan tanpa mengambil kira jantina.

“Mereka akan diberi makan sayur-sayuran seperti kangkung dan juga anak ikan,” jelasnya.

Beliau memberitahu lagi, tuntung mudah dijaga kerana jarang diserang penyakit dan mempunyai kadar kematian yang rendah.

Untuk telur tuntung pula, khasiat dan rasanya yang enak sama seperti telur penyus menjadikan sangat popular serta mendapat permintaan tinggi di pasaran gelap.

Justeru, bagi memupuk kesedaran tentang betapa pentingnya usaha memelihara dan mengawal spesies berkenaan, pihak Perhilitan ada menjalankan program kesedaran di sekolah-sekolah dan juga tempat-tempat awam.

Tidak cukup dengan itu, mereka turut mengadakan kolaborasi bersama institusi pengajian tinggi (IPT) seperti Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam penyelidikan dan penyelidikan (R&D) berkaitan pembiakan tuntung.



TUNTUNG Sungai dan Tuntung Laut masing-masing dikenali dalam bahasa saintifik sebagai *Batagur affinis* dan *Callagur borneoensis*.

Apa yang menarik, kedua-dua spesies reptilia tersebut mempunyai jangka hayat antara 70 hingga 80 tahun dengan tempoh matang pada usia 17 tahun.

Musim bertelur untuk haiwan itu adalah dari bulan November hingga Februari dengan kekerapan sebanyak dua kali setahun.

Bagi setiap sesi, tuntung betina biasanya mengeluarkan antara 20 hingga 30 biji telur berbentuk bujur.

Proses bertelur pula akan dijalankan di kawasan pantai atau muara sungai di mana tuntung betina akan mengorek lubang penetasan sedalam 50 hingga 70 sentimeter (sm).

Mereka akan meninggalkan tempat bertelur dan tidak menjaganya untuk tempoh masa penetasan lebih kurang 70 hari.

Anak tuntung yang baru lahir pula mempunyai tabiat gemar berjemur di bawah cahaya matahari.

Untuk mengenali Tuntung laut, spesies ini mempunyai kepala berwarna kelabu dan putih dengan jalur merah di antara mata.

Tuntung Sungai pula memiliki retina mata berwarna putih dengan ekor yang lebih panjang.



DALAM masa 15 hari selepas dibebaskan ke habitat asalnya, tuntung-tuntung ini masih dibekalkan dengan makanan untuk menyesuaikan mereka dengan proses perubahan.

